



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## TOKOH KEPIMPINAN PENDIDIKAN TAHUN 2019

### Panduan Pencalonan

1. Kriteria pemilihan calon Tokoh Kepimpinan Pendidikan hendaklah berasaskan urutan keutamaan seperti yang berikut:
  - 1.1 Perkhidmatan cemerlang sebagai pemimpin dalam bidang pendidikan.
  - 1.2 Sumbangan cemerlang kepada profesion keguruan dan pendidikan.
  - 1.3 Penglibatan aktif dalam kegiatan bidang profesional dan khidmat masyarakat.
  - 1.4 Kecemerlangan dalam bidang-bidang lain (tidak termasuk bidang politik).
2. Calon hendaklah seorang warganegara Malaysia.
3. Calon hendaklah yang telah bersara daripada perkhidmatan.
4. Pemilihan calon hendaklah dibuat untuk tokoh yang masih hidup.
5. Calon hendaklah terdiri daripada mereka yang pernah berkhidmat di Bahagian/Jabatan/Daerah.
6. Pencalonan boleh dikemukakan oleh Jabatan/Bahagian di KPM, JPN, Kesatuan dan Persatuan.
7. Mereka yang pernah dicalonkan tetapi tidak terpilih, boleh dicalonkan semula.
8. Borang pencalonan Tokoh Kepimpinan Pendidikan hendaklah disertakan bersama-sama maklumat tambahan (seperti gambar penglibatan tokoh, buku terbitan, sijil-sijil, video klip tidak melebihi tiga minit dan lain-lain yang berkaitan) dalam bentuk salinan lembut dan disimpan dalam cakera keras (DVD).

9. Semua pencalonan Tokoh Kepimpinan Pendidikan Tahun **2019** hendaklah dikemukakan kepada pihak urus setia pada atau sebelum **8 Mac 2019** di alamat:

**Urus Setia Tokoh Kepimpinan Pendidikan 2019**

Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kompleks Pendidikan Nilai  
71760 BANDAR ENSTEK  
Negeri Sembilan  
(u.p.: Netty Yushani binti Yusof)  
No. Tel: 06 7979265  
E-mel: [netty@iab.edu.my](mailto:netty@iab.edu.my)

10. **Borang Calon Tokoh Kepimpinan Pendidikan dan Panduan Pencalonan** boleh dimuat turun dari portal rasmi Institut Aminuddin Baki (<http://www.iab.edu.my>).
11. Keputusan Jawatankuasa Panel Pemilihan Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan 2019 adalah muktamad.

